



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 40 RABU 7 OKTOBER 1970

1390 رابو 6 شعبان PERCHUMA

D. Y. M. M. RASMIKAN PERTUNJOKKAN PERTANIAN NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah merasmikan Pertunjokkan Pertanian Negeri di-bangunan sementara Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

Pertunjokkan tersebut di-adakan sa-bagai sa-bahagian dari acara menyambut perayaan penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Sa-belum merasmikan pembukaan pertunjokkan tersebut Duli Yang Maha Mulia telah menyampaikan titah dan juga menyampaikan hadiah2 kerajaan.

Di-antara yang hadir di-upacara itu ialah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar, Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Pengiran2 dan pegawai2 kerajaan.

Titah Duli Yang Maha Mulia sa-penoh-nya ada-lah seperti berikut:

BETA merasa gembira dan bersyukur kepada Allah Subhanahu-wataala kerana pada hari ini kita dan laila hadirin semua hasil tenaga yang merupakan hasil usaha kaum2 tani dan demikian juga hasil2 pertukangan tangan serta usaha2 mereka yang benar2. Usaha dan berkechendorongan hasil-nya yang mana kita perhatikan di-pertunjokkan ini tidak ada perkara2 yang lebeh mengemirakan beta daripada menyaksikan bakti2 hasil usaha pada mementingkan tungkang dan titik peloh raayat di-negeri ini yang rajin kerana hasil2 usaha itu ia-lah suatu bakti nyata yang menunjukkan kebolehan2 atau kesan asas kebolehan2 anak2 negeri Brunei yang terchinta ini khas mengenai pertanian dan petukangan.

Dalam erti kata lain telah nyata pada kita semua bahawa pada asas kerajinan ketekunan, tabah laila jujur jika di-amalkan akan bersansor2 anak2 negeri ini mensaingi penduduk2 negeri2 lain juga boleh berusaha sa-bagai pengeluar2 dengan syarat laila berkemampuan pada menumpukan semangat mem-pelajari ilmu pengetahuan yang sehat segala perusahaan berchuchok tanam dan lain berkehendakkan pelajaran. Pendek kata sa-bagaimana subur dan jenis-nya pertukangan yang di-pamerkan di-pertunjokkan ini hendak-nya di-buat dan di-usahakan di-tempat2 bertukang dan berchuchok tanam.

Mengenai Pertunjokkan ini Beta menguchapkan tahniah dan terima kasih kepada semua yang berkenaan ia-itu sama ada pengusaha2 pertunjokkan ini mahu pun peser-



D.Y.M.M. ketika melafadzkan titah sa-belum merasmikan pembukaan pertunjokkan pertanian pada hari Sabtu lepas. Dudok di-sabelah kanan ia-lah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan dan di-kiri sekali Awang Adair.

ta2 dari seluruh pelusok tanah ayer dan yang mana kita di-fahamkan pertunjokkan ini ia-lah di-adakan bersempena dengan penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan. Dengan sukacita kita menyatakan bahawa dasar kerajaan kita pada masa ini menggalakkan aspek2 pertanian dengan tujuan utama supaya negeri ini berkesanggupan bagi mengadai keperluan2 harian serta usaha benar yang mendatangkan hasil.

Awang2 dan Dayang2 sekalian.

Kita di-maklumkan bahawa kerajaan kita telah dan sedang melengkapkan kemudahan2 asas atau **infrastructure** yang di-fikirkan penting laila mustahak bagi perkembangan2 negeri ini, seperti jalan raya, bekalan ayer, lapangan terbang, pelabohan, utama keselamatan, kesihatan dan sa-bagaimana yang kita titahkan ia-itu **culture**, demikian juga kerajaan beta sedang berusaha bagi menyelidiki. Penyelidikan mengenai dengan penggunaan tanah seluruh negeri ini. Usaha penyelidikan sa-umpama ini akan mengambil masa yang lanjut dasar kerajaan beta mengadakan projek2 **infrastructure** dan terpulang-lah kepada pehak penerbit menggunakan projek2 **infrastructure** itu untuk faedah2 yang bolch mengeluarkan dan benar2 menambahkan hasil asalkan tidak melanggar syarat dasar beta di-Majlis Mashuarat Menteri2 dan tidak bertentangan dengan undang2 peratoran serta tidak terkeluar saluran laila saluran.

Dengan ini sekali lagi beta uchapkan terima kasih kepada semua yang berkenaan. Terima kasih.

PERASMIAN BANDAR SERI BEGAWAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tepat jam 12.01 pagi 4 Oktober, 1970, nama ibu kota Negeri Brunei telah di-tukar menjadi Bandar Seri Begawan.

Istiadat penukaran nama Bandar Seri Begawan itu telah berlangsung di-Padang Besar dengan di-saksikan oleh beribu2 orang raayat yang telah membanjiri padang tersebut sejak awal malam 3 Oktober.

Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah membachakan pengishtihran penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan itu.

Sa-baik2 sahaja Yang Amat Mulia selesai membachakan pengishtihran tersebut maka

do'a selamat pun di-bachakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz dan ini diikuti dengan tembakan meriam sa-banyak 17 das.

Terdahulu sa-belum itu Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, yang juga selaku Pengerusi Jawatan-kuasa Penukaran Nama Bandar itu telah memberikan uchapan.

Dalam uchapan-nya Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara telah menyatakan tentang kejayaan2 besar yang di-usahakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan untuk memaju dan memodenkan Brunei bagi faedah raayat jelata.

Beliau berkata, Brunei mulai menikmati kehidupan moden semasa Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan memerintah sa-bagai Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam tahun 1950 terutama sekali sa-lepas termaktub-nya Perlembagaan Negeri dalam tahun 1959.

Ketika melukiskan tahun2 sa-belum 1950 sa-bagai masa

(Lihat Muka 8)

Pertandingan Quran Perengkat Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah akan merasmikan pertandingan membacha Al-Quran perengkat seluruh negeri yang akan di-adakan di-Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan pada 8 Oktober esok.

Sa-ramai 20 orang qari dan qariah yang mewakili semua daerah di-negeri ini akan mengambil bahagian dalam pertandingan yang di-adakan selama tiga hari itu.

Daerah Brunei-Muara akan diwakili oleh lapan orang qari dan qariah, Daerah2 Belait, Tutong dan Temburong masing2 akan diwakili oleh dua orang qari dan dua orang qariah.

Johan dan naib johan dalam bahagian lelaki dan johan bahagian perempuan akan di-pileh untuk mewakili Negeri Brunei ka-pertandingan membacha Quran Perengkat Antara Bangsa yang akan di-adakan di-Kuala Lumpur dalam bulan puasa yang akan datang.

Di-samping menerima beberapa hadiah johan qari dan qariah juga akan di-hadiahkan tambang perchuma oleh kerajaan untuk menunaikan fardhu haji ka-Mekah.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei di-jadualkan akan menyampaikan hadiah2 pada 10 Oktober.



Gambar atas menunjukkan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin ketika merasmikan pembukaan Pameran Buku2 dan Senilukis Istimewa di-Dewan Bahasa dan Pustaka pada 29 September lepas, dengan di-perhatikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Awang Hj. Mohammad Jamil Al-Sufri yang juga menjadi pengerusi pameran tersebut.

Di-kanan sekali ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair.

Pameran yang di-adakan bersempena menyambut penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan itu akan diteruskan hingga 12 Oktober. Ia-nya di-buka kepada orang ramai mulai 8.00 pagi hingga 8.30 malam.

Kaki tangan Jabatan Kerja Raya bahagian Berakas Depot telah meraiikan bekas penyelia depot tersebut, Awang Ali bin Bakar (No. 11 dari kiri) yang telah ditukar ka-Rahagian Jalan Raya.

Awang Low Yene Heng dari Bahagian Makmal Tanah, Jabatan Kerja Raya telah di-tugaskan untuk memegang jawatan tersebut.

Gambar bawah menunjukkan kaki-tangan depot tersebut bergambar ramai sa-telah selesai majlis perpisahan yang telah di-adakan di-Berakas Depot baru2 ini.

ABU akan menubuhkan pusat penyelarasan bagi pemancaran2 satellite di-Tokyo

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pengarah Penyiaran dan Penerangan Awang Mohamed Salleh bin Abdul Kadir dan Ketua Jurutera jabatan tersebut Awang N. J. A. Frigout telah kembali ka-Brunei pada hari Ahad lalu sa-telah menghadiri Perhimpunan Agung Ke-Tujuh Kesatuan Penyiaran Asia pengkasanya ABU di-Istanbul, Turkey dari 18 hingga 21 Septembar.

Sa-belum Perhimpunan bermula, telah di-adakan sidang Ranchangan ABU, Jawatan-kuasa Kejuruteraan, Majlis Pertadbiran dan Para Jury bagi hadiah2 ABU dari 9 Septembar.

Ia-nya di-hadiri oleh 109 perwakilan dari 40 buah badan2 penyiaran dari 29 buah negara, termasuk Brunei. Menyertai dalam sidang itu ia-lah 15 orang pemerhati dari Bangsa2 Bersatu dan wakil2-nya dari tiga Kesatuan Penyiaran Daerah yang lain.

ABU telah memutuskan antara lain bagi penubuhan sa-buah pusat penyelarasan bagi pemancaran2 satellite di-Tokyo dan pengator bagi pakar2 penyiaran perdagangan untuk melawat beberapa buah negara anggota ABU di-rantau Asia Tenggara dan Pacific.

Di-antara perkara2 utama yang di-perbincangkan ia-lah mengenai dua sidang penting berhubung dengan penempatan frequency bagi perhubungan satellite.

Ini ia-lah Persidangan Pertadbiran Radio Dunia ITU yang akan di-adakan dalam bulan Jun dan Persidangan Persediaan CCIR dalam bulan Februari dan Mach tahun hadapan di-Geneva.

Sementara itu Perhimpunan Agung ABU tahun 1971 akan di-adakan di-Manila dan Perkhidmatan Penyiaran Philipina akan menjadi tuan rumah.

Pameran gambar2 di-lanjut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pameran gambar2 Bandar Brunei Lama di-Dewan Kemesharakatan di-Bandar Seri

Begawan telah di-lanjutkan hingga 15 Oktober.

Pameran itu di-buka kepada orang ramai sa-tiap hari dari pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Sa-orang juruchapak Jabatan Muzium berkata hari ini, lebih 20,000 orang telah mengunjungi pameran itu sejak ia-nya di-buka kepada orang ramai pada 1 Oktober.

Juruchapak itu berkata, jabatan itu akan memberi hadiah2 istimewa kepada pelawat yang ke-20,000, ke-25,000 dan ke-30,000 dan selepas itu kepada sa-tiap orang yang ke-1,000 yang mengunjungi pameran itu.

Pameran itu ada-lah sa-bahagian dari ranchangan sambutan penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

PESTA BATEK ANJORAN W.I.

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Pertubuhan Perkumpulan Wanita Brunei akan meraikan penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan dengan Pesta Batek di-Pusat Belia di-Bandar Brunei pada 17 dan 18 Oktober ini.

Yang Di-Pertua Pertubuhan itu Dayang Rogayah binte Abdul Rahman berkata, pada 17 September dari pukul 8.00 hingga 10.00 malam akan di-adakan pertunjukan pentas dalam mana penyanyi2 tempatan akan mengambil bahagian.

Sa-kumpulan wanita2 tempatan yang di-lateh oleh anggota2 pertubuhan perkumpulan wanita akan menjadi peragawati2 bagi menunjukkan jenis pakaian batek yang di-reka oleh tukang jahit Ismail.

Dayang Rogayah berkata, masuk untuk menyaksikan pertunjukan itu ia-lah dengan tiket yang berharga \$1.00 dan \$2.00 dan tiket2 itu boleh dibeli di-pintu masuk.

Pada 18 Oktober orang ramai dapat melihat berbagai2 jenis batek yang akan di-pamerkan dari pukul 9.00 pagi hingga 8.00 malam.

Masok ka-tempat pameran itu ada-lah dengan tiket yang berharga 50 sen.



Bangunan Ibu Pejabat pengakap siap bulan Januari

BANDAR SERI BEGAWAN. — Komplek bangunan baru Ibu Pejabat Pengakap di-Jalan Gadong dekat Bandar Brunei di-jangka siap pembenaannya dalam bulan Januari tahun hadapan.

Komplek mengandungi tiga blok, dua blok untuk Asrama dan yang satu lagi dewan yang boleh menampung kira2 500 orang yang di-lengkapkan dengan alat2 kemudahan yang moden.

Pembinaan bangunan itu ditaksirkan menelan belanja sa-banyak \$119,000.00 ia-itu hasil kutipan dari Sharikat2, Pemborong2 dan orang2 perseorangan yang sa-takat ini berjumlah \$61,695.81 dan Kerajaan akan memberi bantuan sa-paroh dari hasil kutipan2 itu.

Di-antara penderma2 itu termasuklah Mitsui Contractor mendermakan sa-banyak \$7,000.00; Persekutuan Guru2 Melayu Brunei \$31,500.00; Sharikat Minyak Shell \$3,000.00; dan yang mendermakan \$2,000.00 ia-lah Dato' Marsal bin Maun, Ong Keh Beng; Awang Damit bin Haji Mahmud dan Ong Kim Kee.

Timbalan Pesuruhjaya Pengakap Negeri, Awang Shahbudin bin Saleh berkata semua nama2 penderma dan gambar mereka akan di-simpan di-tiap2 bilek Asrama itu sa-bagai tanda peringatan.

Kemunchak peristewa Isra' dan Me'raj ia-lah penerimaan kewajipan sembahyang

KHUTBAH JUMA'AT

dalam taman (shorga) dan me-reka tidak akan di-rugikan barang sedikit pun".

Dari maksud ayat di-atas dapat-lah di-fahamkan bahawa ada-lah sa-orang yang meninggalkan sembahyang lima waktu itu akan mendapat seksa di-akhirat, kerana orang yang meninggalkan sembahyang itu ada-lah ia-nya telah melupakan Tuhan dan menu-rut keinginan hawa nafsu yang tidak mengenal batas dan in-lah punca2 kebinasaan sa-seorang, tetapi sekali pun sa-

seorang itu telah terlan-jor membuat kesalahan besar ter-hadap Allah, kemudian ia bertaubat (insaf) dan menyesal yang mana ia-nya tidak akan membuat lagi, sa-terus-nya mengerjakan amalan yang baik, maka orang itu akan di-kira tidak rugi di-sisi Allah.

Dalam sa-buah hadith yang telah di-riwayatkan bahawa berkenaan dengan sa-orang yang telah mati yang mana dia meninggalkan sembahyang se-masa hayat-nya, Hadith itu bermaksud:

"Pada suatu hari Rasulullah s.a.w. sedang duduk dengan sahabat2-nya tiba2 datang sa-orang pemuda daripada bang-sa Arab ka-pintu mesjid sam-bil menangis. Maka sabda Ra-sulullah.

"Mengapa engkau menangis wahai orang muda?" Pemuda bangsa Arab itu menjawab.

"Bapa saya telah meninggal, ya Rasulullah, belum lagi di-kepankan dan belum pula di-mandikan". Maka baginda pun menyuruh Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar Ra-diallah-ho'anhum. Maka per-gi-lah kedua2-nya kepada mayat itu. Maka mereka melihat mayat itu seperti babi yang hitam. Maka kembali-lah ke-dua2 kepada Rasulullah dan mengkhabarkan perkara terse-but. Maka Rasulullah pun bangun dan pergi ka-tempat mayat tersebut, maka Nabi pun berdo'a. Maka jadi-lah mayat tersebut seperti asal. Dan Na-bi pun menyembahkannya. Tekala mereka hendak meng-kebumikan mereka melihat bahawa mayat itu berbalek sa-perti babi hitam. Maka sabda Rasulullah.

"Wahai orang muda, apa-kah amalan yang di-amalkan oleh bapa engkau semasa hi-dup-nya? Jawab pemuda Arab itu.

"Dia telah meninggalkan sembahyang". Maka sabda ba-ginda.

"Wahai sahabat2 ku Tuhan akan membangkitkan pada ha-ri kiamat nanti dengan kea-daan seperti babi hitam."

Begini-lah gambaran orang yang meninggalkan sembahyang, yang telah di-beri aman-an oleh Rasulullah dalam che-rita yang tersebut di-atas. Oleh itu bersempena dengan kita menyambut bulan Isra' dan Me'raj ini, hendak-lah kita berpegang tegoh dengan iman dan kepercayaan kita dengan di-sertakan amalan yang telah di-wajibkan. Muga2 kita akan berbahagia di-dunia dan sela-mat sejahtera di-akhirat.

"Kemudian mereka di-ganti-kan oleh satu angkatan yang meninggalkan sembahyang dan memperturukkan keinginan nafsu, sebab itu mereka akan menemui kebinasaan. Kechuali orang2 yang kembali (kapada Tuhan) beriman dan menger-jakan perbuatan baik, orang2 itu-lah yang akan masuk ka-



Persatuan Pemuda Pemudi Ber-satu Kampong Ujong Bukit telah menghadiahkan sa-buah lukisan gambar wajah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Kapada Ja-batan Kebajikan Masyarakat untuk di-jadikan perhiasan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Lukisan itu telah di-sampaikan oleh pelukis-nya yang juga sa-laku Yang Di-Pertua persatuan terse-but, Awang Salleh bin Ibrahim kapada Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Di-Mulihkan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohd. Salleh bin Haji Masri di-satu upa-chara yang telah di-adakan di-Pusat Belia baru2 ini.

Gambar atas menunjukkan ahli2 persatuan itu bergambar ramai bersama2 dengan Pesuruhjaya Ke-bajikan (Duduk No. 5 dari kanan) sa-telah penyampaian lukisan terse-but.

Wakil2 Daerah Temburong

TEMBURONG. — Dua orang qari dan dua orang qariah telah di-pileh untuk mewakili Daerah Temburong ka-pertandingan memba-cha Quran perengkat negeri yang akan di-adakan di-Bandar Seri Be-gawan esok.

Mereka ia-lah Awang Nordin bin Haji Arshad, Awang Ali Khan bin Ismail, Dayangku Saliha binte Pengiran Haji Abdul Rahman dan Dayang Siti binte Haji Misir.

Mereka itu telah di-pileh dari sembilan orang peserta termasuk empat orang perempuan dalam pertandingan membacha Quran yang telah di-adakan di-pekarang-an Mesjid Utama Mohammad Salleh baru2 ini.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 7 Okt. 1970 hingga ka-hari Selasa 13 Okt. 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

<i>Hari</i>	<i>Matahari</i>						
<i>Bulan</i>	<i>Dzohor</i>	<i>Asar</i>	<i>Magrib</i>	<i>Isha</i>	<i>Imsak</i>	<i>Suboh</i>	<i>Terbit</i>
7 Okt.	12-14	3-32	6-13	7-30	4-34	4-49	6-06
8 Okt.	12-14	3-32	6-13	7-30	4-34	4-49	6-06
9 Okt.	12-14	3-32	6-13	7-30	4-34	4-49	6-06
10 Okt.	12-14	3-32	6-13	7-30	4-34	4-49	6-06
11 Okt.	12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06
12 Okt.	12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06
13 Okt.	12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

7hb. Oktober 1970
**TUNTUTAN
BRUNEI
TERHADAP
LIMBANG**

SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin ketika merasmikan pembukaan pameran seni lukis dan buku2 baru2 ini adalah yang paling menarik minat rakyat negeri ini khusus-nya.

Dalam sabda itu, Duli Yang Teramat Mulia telah menimbulkan soal tuntutan Brunei terhadap Limbang yang menurut Duli Yang Teramat Mulia itu bahawa tuntutan itu sudah lama di-buat ia-itu sejak Brunei telah memutuskan hasrat-nya untuk tidak memasuki Malaysia. Sabda tersebut berbunyi.

"Brunei dan Limbang tidak mempunyai sempadan, kerana Limbang ada-lah hak Brunei. Beta telah menuntut Limbang kepada Malaysia sebaik2 saja Brunei memutuskan tidak memasuki atau tidak masuk Malaysia dan tuntutan telah di-hantar kepada kerajaan pusat atau kepada Malaysia ada-lah berasaskan dari segi agama dan menurut hukum2 agama mengenai hak ya'ani Brunei berhak di-atas Limbang.

Penyusunan bagi penuntutan Limbang telah pun di-hantar menurut saluran yang sah.

Sekali lagi beta nyatakan, Brunei ada-lah berhak di-atas Limbang".

Sabda di-atas ada-lah merupakan satu penegasan yang berkehendakkan satu sambutan yang saimbang yang juga memerlukan penegasan2 yang amat sa-chucok dari pihak yang berkenaan, tetapi bukan dari pihak2 yang boleh menimbulkan keadaan2 yang kurang menyenangkan yang sa-mang-nya bertentangan dengan dasar Brunei yang mengutamakan keamanan dan kesejahteraan.

Kerajaan Brunei, seperti yang selalu di-suarkan oleh pemimpin2-nya, terutama sekali oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ada-lah melebarkan minat-nya kepada keinginan yang besar untuk mengekalkan keamanan dan mengamalkan fahaman2 untuk berbaik2 dengan jiran tetangga serta menyelesaikan sa-suatu perkara yang rumit dalam suasana yang aman dan tenteram.

Brunei benchi kepada keadaan yang tidak tenteram dan ada-lah sama sekali tidak logik, jika di-katakan Brunei menempah keadaan yang sebak-nya, apa lagi yang melibatkan half yang luar dari Brunei.

Berikutan dengan tuntutan Brunei terhadap Limbang, berbagai2 pendapat telah timbul dengan sifat2 pro dan kontra-nya. Ada-lah di-akui bahawa semua orang bebas mengutarakan fikiran2-nya, tetapi dalam keadaan sesama kita yang mengutamakan amalan berbaik2 itu, hendak-nya tidak timbul pendapat2 yang menyedihkan hidung apabila terhidu yang lambat-laun akan melemaskan.

Sekali lagi di-tegaskan bahawa Brunei mengutamakan keamanan dan ketenteraman serta kesejahteraan. Dan sudah barang tentu D.Y.T.M. itu berkehendakkan penyelesaian sachara damai.



Jam 12.01 pagi 4 Oktober 1970 ada-lah sa'at yang bersejarah ia-itu apabila Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof membacakan pengishti-haran penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan (gambar atas).



DI-SEKITAR PENGISHTIHARAN BANDAR SERI BEGAWAN

Kurnia Di-Raja

BERMILLAH HIKMAHM NERABUM AL HAMDUZILLAH RAB
"ELAMIN WAKALAH WAKALAH ALA SAUVEDHA
MURHAMAD WAKALAH ALIHI WAHABIN AMIN"

Kepada seluruh penghuni di-batangkan dalam

Diketahui: Berada di-atas Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Darussalam, telah memutuskan untuk menukarkan nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Sekarang: DULI YU KETAMULAH KAMU bahwa Beta dengan ini telah memutuskan untuk menukarkan nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Dasar: DULI YU KETAMULAH KAMU bahwa Beta dengan ini telah memutuskan untuk menukarkan nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Pada: DULI YU KETAMULAH KAMU bahwa Beta dengan ini telah memutuskan untuk menukarkan nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

'Kurnia Diraja' di-kurniakan kepada Pengerusi Lembaga Bandaran Seri Begawan, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Daerah Brunei dan Muara

Untuk mengenangkan jasa Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, sa-buah tugu chenderamata akan di-bena di-hadapan bangunan Dewan Kemasharakatan, Bandar Seri Begawan. Gambar kiri menunjukkan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha sedang melafadzkan sa-belum meletakkan batu asas bagi tugu chenderamata itu pada hari Ahad lepas.

Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah (di-tengah2) dengan di-iringi oleh Penye-lenggara Muzium, P. M. Sharifuddin sedang menyaksikan gambar2 yang di-pamerkan dalam pameran gambar di-Dewan Kemasharakatan. Di-kiri sekali ia-lah Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin dan nombor 2 dari kanan ia-lah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.



Babak kunjungan orang2 sepanyoi ka-Brunei dalam pertunjukkan tattoo drama 'Seri Begawan Yang Pertama' anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei.

SERI BEGAWAN

Diketahui: DULI YU KETAMULAH KAMU bahwa Beta dengan ini telah memutuskan untuk menukarkan nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Sekarang: DULI YU KETAMULAH KAMU bahwa Beta dengan ini telah memutuskan untuk menukarkan nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Dasar: DULI YU KETAMULAH KAMU bahwa Beta dengan ini telah memutuskan untuk menukarkan nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Pada: DULI YU KETAMULAH KAMU bahwa Beta dengan ini telah memutuskan untuk menukarkan nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Pengishti-haran nama Bandar Seri Begawan yang di-bachakan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Di-Pertuan Negeri Brunei, D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Tinggi Awang A. R. Adair, D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan, Menteri Besar, Setia Usaha Kerajaan, Yang Teramat Mulia Duli Wazir, Yang Amat Mulia Ceteria2, Pengiran2 serta pegawai2 kerajaan ada-lah di-antara yang menyaksikan pertunjukkan tattoo drama yang di-anjorkan oleh M.B.B.

Satu lagi lagu di-gubah
untuk mengalu2kan Bandar
Seri Begawan

"IBU KOTA NAN INDAH"

Chipta'an oleh
Awang Haji Besar A. Sagap.

Senikata oleh
Abdul Wahab Mohamed.


Omar Ali Saifuddin,
Tetap menjadi kenangan,
Itu-lah Bandar Seri Begawan,
Menjadi Chugan ka-akhir zaman.

Jadi ingatan zaman,
Hingga-lah ka-zaman,
Semasa Baginda menjadi,
Duli Yang Di-Pertuan.

Bertukar-lah nama bandar Brunei,
Menjadi Bandar Seri Begawan,
Kota-nya indah lagi permai,
Tetap di-sebut ka-akhir zaman.

Bandar Seri Begawan
Kini terchinta -lah sudah,
Ibu Kota langkap tersusun,
Di-pandang chantek sunggoh-nya indah.

Penduduk-nya ramai,
Sama menjunjung titah,
Berikrar ta'at penoh setia,
Tiada akan berubah.





Chan Fook Phen menangi lumba basikal MEB

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Chan Fook Phen dari Belait telah memenangi perlumbaan basikal jarak jauh dari Kuala Belait ka-Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Perlumbaan yang ketiga di-anjarkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei sa-bagai memperingati Istiadat Berpuspa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Chan Fook Phen telah memenangi perlumbaan sa-jauh 67 batu itu dalam masa dua jam 58 minit 2 sa'at, yang mana ada-lah 2 minit 27 sa'at lebeh lambat dari rekod lama yang di-buat oleh Arthur F.J. de Silva.

Pemenang kedua dalam perlumbaan itu ia-lah Musali Ismail dari Maktab SOAS dengan masa dua jam 58 minit 20 sa'at. Zakaria Ibrahim juga dari Maktab SOAS telah mendapat tempat ketiga dengan masa 2 jam 58 minit 45 sa'at.

Pasokan "A" Maktab SOAS telah memenangi bahagian berpasokan dengan Rose Pawana 'A' kedua dan Belait 'A' ketiga.

Perlumbaan sa-juah 10 batu bagi perempuan telah di-menangi oleh Jennie Chee Sok Chan dengan masa 39 minit 29 sa'at.

Rosy Lam telah mendapat tempat kedua dengan masa 40 minit 53 sa'at dan Noriah Yaakup telah mendapat tempat ketiga dengan masa 41 minit.

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Mohamed Yusof telah menyampaikan hadiah2.

Sa-ramai 169 orang pelumba termasuk 11 orang perempuan telah mengambil bahagian dalam perlumbaan itu.



Gambar paling atas menunjukkan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Mohamed Yusof sedang menyampaikan perisai rebutan kepada Awang Chan Fook Phen sementara gambar atas menunjukkan sa-bahagian dari peserta yang telah mengambil bahagian sa-belum memulakan perlumbaan.

Piala Borneo: Brunei pileh 16 orang pemain handal

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim akan menyampaikan bendera Negeri Brunei kepada pasokan bola sepak Brunei di-lapangan terbang Brunei esok sa-jurus sa-belum pasokan itu berlepas ka-Kota Kinabalu.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamed Yusof ada-lah juga Yang Di-Pertua Persatuan Bola Sepak Amator Negeri Brunei.

Pasokan Brunei itu akan mengambil bahagian dalam perlawanan bola sepak antara wilayah di - antara Sabah Sarawak dan Brunei di-Kota Kinabalu bagi merebut 'Piala Borneo'.

2,095 orang peladang akan menggunakan baja

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Sa-ramai 2,095 orang peladang dari lapan puluh lima buah kampung di-empat daerah negeri ini akan menggunakan baja yang di-bekalkan oleh jabatan pertanian dalam musim menanam padi 1970/71.

Pengarah Pertanian Awang K. G. Malet ketika menyatakan perkara ini berkata, sa-jumlah 2,900 kampil baja jenis NPK dan 5,540 kampil baja jenis Urea telah di-bahagi2kan.

Awang Malet berkata, baja itu akan di-gunakan untuk

4,017 ekar padi paya yang mana 1,672 ekar di-Daerah Brunei Muara, 1,596½ ekar di-Tutong, 4,40½ ekar di-Belait dan 308 ekar di-Daerah Temburong.

Awang Malet berkata, baja itu telah di-serahkan kepada peladang2 kechuali peladang2 di-Daerah Temburong.

Bagi tiap2 satu ekar tanah satu kampil baja NPK dan dua kampil baja Urea akan di-gunakan.

Baja NPK akan di-gunakan bagi tanah yang baru sahaja hendak di-tanam semula.

Satu kampil baja Urea bagi satu ekar yang di-buboh tiga atau empat minggu sa-lepas penanaman semula dan sa-lepas padi itu di-rumputkan.

Satu kampil lagi baja Urea di-buboh kepada satu ekar tanah kira2 enam minggu sa-belum menuai atau apabila buah padi itu keluar.

Ini ada-lah tahun ketiga jabatan itu membekalkan baja sa-chara perchuma kepada peladang2.

Dalam tahun2 1968/69 dan 1969/70 baja telah di-bekalkan kepada 1,109 dan 1,858 orang peladang.

Awang Malet berkata, tujuan ranchangan itu ia-lah untuk membiasakan peladang2 itu menggunakan baja di-sawah2 mereka.

Pegawai di-naikkan pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Sa-ramai lapan orang Pegawai2 Pentadbir Kerajaan Brunei Grade II telah di-naikkan pangkat menjadi Pegawai Pentadbir Grade I mulai 1 April tahun lalu.

Mereka ia-lah Awang Salleh bin Hidup sa-bagai Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdullah bin Haji Ja'afar dan Awang Sidek bin Yahya kedua2-nya sa-bagai Penolong Pegawai Daerah Belait.

Awang Yunos bin Haji Husain sa-bagai Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Yahya bin Haji Haris sa-bagai Pegawai Pentadbir di-Pejabat Surohanjaya Kemajuan, Awang Mohammad bin Haji Serudin sa-bagai Pegawai Tanah di-Pejabat Tanah Brunei, Awang Ya'akub bin Ahmad sa-bagai Pegawai Pentadbir di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan dan Awang Chuchu bin Penglima Asgar Haji Abdullah sa-bagai Setia Usaha di-Pejabat Perubatan dan Kesihatan Brunei.

Perlawanan itu akan di-adakan selama tiga hari mulai dari 9 Oktober.

Enambelas orang pemain termasuk lima orang simpanan telah di-pilih untuk mengambil bahagian dalam perlawanan itu.

Mereka ia-lah Ariffin Abdul Rahman, Abdul Rahman Haji Naim, Abdul Rahim Yusof, Johari Ahmad, Zainal Taha, Abdul Rahman Sanif, Idris Abdul Hamid, Awangku Hashim Pengiran Ahmad, Anuar Abdullah, Lai Chin Kau, Frankie Ho, Suhaili Lani, Azamain Abdullah, Mat Noor Mohamed, Mat Tahir Metussin dan Rosli Mahmud.

Pasokan Brunei itu akan diketuai oleh Awang Mohamed Hussain bin Zainal.

APAKAH MASAALAH BUTA HURUF

SEKARANG saya beralah pula kepada soalan, apakah buta huruf itu dan apakah masalah2-nya. Dalam erti yang ringkas, buta huruf bermakna sa-saorang yang tidak boleh membaca dan menulis. Ini tidak bermakna yang orang itu tidak berpelajaran dalam erti kata umum kerana pelajaran itu meliputi lapangan yang luas dan pelajaran melalui membaca dan menulis adalah sa-bahagian dari aspek2 pelajaran sahaja. Ada juga pelajaran moral, pelajaran bagaimana hendak hidup antara satu dengan lain dan lain2 jenis pelajaran lagi.

Macham mana buta huruf itu menjadi masalaah kepada sa-tengah ahli masyarakat? Untuk menjawab-nya kita haruslah membincangkan proses yang telah berjalan dalam negara2 yang telah maju. Kita boleh bahagikan dua proses utama yang menolong negara2 mereka dan menandingi negara2 yang telah maju. Proses ini ia-lah perbandaran dan perindustrian yang saling berhubung satu dengan lain. Perindustrian ia-lah proses dimana masyarakat tidak bergantung kepada tenaga manusia bahkan terhadap tenaga elektrik dan atom. Ada-lah menjadi perhatian pada beberapa negara yang membangun bahawa untuk membangun dan untuk perkembangan ekonomi, proses perindustrian haruslah di-kenakan. Berhubung dengan ini ia-lah proses perbandaran ia-itu satu chara membangun bandar dengan membesarkan kawasan bandaran dan perhubungan2 sosial yang kompleks. Satu misalan yang saya berikan, dalam sa-buah kampung yang tidak mempunyai industri tuan boleh bayangkan ladang2, orang menanam padi, mengambil dan memotong kayu untuk kayu api dan di-mana semua-nya mengetahui antara satu dengan lain. Berbedza dengan di-bandaraya2 dan bandar2 per-

SOSIOLOGI dan MEMBERANTAS BUTA HURUF

(SAMBONGAN)

— oleh Awang Lim Jock Seng

usaha, tuan boleh bayangkan sa-orang menanak nasi dengan menggunakan penanak nasi elektrik, terdapat tenaga elektrik dan di-mana sa-sa-orang tidak perlu mengambil indah tentang hal ehwal jiran-nya. Tujuan beberapa negara maju ia-lah untuk pembangunan ekonomi yang chepat. Tetapi perkembangan ekonomi tidak akan ujud tanpa beberapa perkara. Satu perkara penting ia-lah pembangunan pelajaran. Jadi kita nampak di-sini perhubungan rapat antara ekonomi dan pelajaran.

P. F. Durcker dalam "Revolusi Pelajaran" di-chetak semula dengan "Pelajaran, Ekonomi dan Masyarakat" menulis "bekalan orang2 berpelajaran yang banyak dan berlebihan telah menjadi satu kehendak yang mustahak terhadap pembangunan sosial dan ekonomi dalam dunia kita. Ini sekarang dengan chepat-nya menjadi syarat untuk menghidupkan negara".

Perkembangan ekonomi tidak akan terlaksana jika sa-bahagian besar daripada penduduk negeri buta huruf. Bagai mana kita dapat menyuruh orang buta huruf untuk memelihara sa-buah jentera, menchatet laporan2 dan lain2 jika tidak dapat menulis dan membaca. Macham mana hendak bertanya kepada orang buta huruf untuk menyatakan berbagai2 alat teknologi dan industri yang mustahak bagi memajukan perkembangan ekonomi. Barang kali orang buta huruf akan menggunakan chara yang mereka biasa yang telah di-gunakan oleh nenek moyang mereka. Jadi-nya pem-

baharuan dan perkembangan ekonomi akan terkandas oleh penduduk2 yang buta huruf yang tidak dapat menangkap teknik2 serba tahu. Dengan demikian tidak berpelajaran itu sudah tentu akan menjadi tanggung jawab ekonomi dan tidak berfaedah. Orang2 yang berpelajaran-lah yang menjadi asas dalam masyarakat yang membangun. Jadi-nya kita harus memikirkan untuk sa-buah masyarakat untuk maju berkembang dan hidup mestilah sa-buah masyarakat yang berpelajaran.

Apakah sumbangan sosiologi terhadap memberantas buta huruf.

Bahagian ketiga sharahan saya ia-lah apakah sumbangan sosiologi terhadap memberantas buta huruf. Saya telah terangkan mengenai saling bertindakan dan saling berhubung antara pelajaran dan masyarakat. Saya telah juga membawa tuan2 mengenai satu soal pokok tentang buta huruf. Terdahulu saya telah chuba menerangkan apa itu sosiologi atau kaji masyarakat. Untuk mengingat kembali dengan ringkas-nya, sosiologi ia-lah sains yang chuba memahami perhubungan manusia dalam masyarakat. Ia-nya juga chuba menerangkan tentang perhubungan manusia itu.

Sa-bagai pengkaji masyarakat di-beri tugas menchari jalan memberantas buta huruf saya hanya akan menchadangkan beberapa jalan yang berkemungkinan. Bukan-lah tugas saya untuk menyatakan tindakan apa yang harus di-ambil kerana ini termasuk dalam lingkongan politik. Untuk memikirkan sumbangan kaji masha-

rakat, kita bayangkan sa-orang pengkaji masyarakat itu telah di-beri tugas bagi mana chara yang baik untuk memberantas buta huruf dalam masyarakat itu.

Langkah pertama yang harus di-ambil-nya membuat pengkajian yang lengkap mengenai masyarakat itu dan berbagai2 yayaan yang ada di-dalam-nya. Dia memerlukan data2 dan statistik yang ada mengenai penduduk, darjah buta huruf dan lain2 perkara yang berkenaan. Sesudah mengambil masyarakat itu sa-bagai satu unit penoh, dia boleh mengenal masalaah2 itu dan boleh menchadangkan jalan2 yang berkemungkinan. Masalaah penyelidikan ada-lah perlu dan mustahak. Rancangan ekonomi tidak akan berjalan dengan lancar tanpa mengira perkara2 sosial yang berkaitan dan di-sini peranan pengkaji masyarakat itu sa-bagai penasihat ada-lah amat perlu. Pengkaji masyarakat boleh menunjokkan dan menerangkan perkara2 sosial untuk menyedarkan peranchang2 ekonomi tentang kesempitan sosial yang mungkin berlaku. Misal-nya seperti kata lama "Bangsa Melayu sa-bagai satu bangsa yang lemah dan mundor dengan sifat2 tidak ada mereka". Saya pernah mendengar sa-orang pakar ekonomi melahirkan pendapat ini. Tetapi Professor Raymond Firth dalam pengkajian-nya mengenai nelayan2 Melayu terus menegenipkan pendapat ini. Ia menunjokkan bagaimana sulit, komplek dan berusaha - nya orang2 Melayu di-Kelantan. Banyak ahli2 ekonomi langsong melupakan masalaah2 sosial dalam pengkajian2 ekonomi.

Masalaah2 buta huruf bersangkut paut dengan masalaah2 ekonomi yang luas tetapi di-sini kita membicharakan hannya dengan masalaah2 manusia. Jadj hanya-lah dengan menaroh teknik2 sosiologi yang sesuai dapat kita usahakan menolong membantu memberantas buta huruf.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim





Y.A.M. Pengiran Dipa Negara.

Kemudahan2 untuk raayat

(Dari Muka 1)

yang gelap bagi Brunei. Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara berkata, kemudahan2 sosial seperti perubahan, pelajaran dan perkhidmatan ke-bajikan amat-lah terhad.

Hanya sedikit tempat2 di-negeri ini yang boleh di-hubungi melalui talipon atau telegam dan tidak ada perhubungan2 sa-chara langsung melalui udara atau jalan darat ka-kebanyakan bahagian di-negeri ini.

"Kedudukan telah berubah dengan hebatnya semasa pemerintahan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan dan Brunei terus menerus berada dalam satu zaman yang sejajar dengan negara2 yang telah mencapai kemajuan", tegas beliau.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara berkata, hari ini Brunei menyediakan kemudahan2 pelajaran yang tidak terhad, perkhidmatan perubahan perchuma, tidak ada chukai menyukai yang boleh membebankan sistem perkembangan yang menyebabkan seluruh pelusok negeri sekarang boleh di-datangi tanpa kesukaran, perbekalan ayer dan kuasa letrik bagi kemudahan raayat.

PEMBETULAN

Peraduan mengarang perkembangan di-masa pemerintahan D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan di-tutup pada 27 Oktober, 1970 dan bukan pada 27 Nobember, 1970 seperti yang di-siarkan pada keluaran lepas.

IDENTITI SA-BAGAI ORANG BRUNEI TETAP BERNYALA — SUK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Setia Usaha Kerajaan Brunei telah menekankan keyakinan-nya tentang keteguhan pendirian di-kalangan keturunan2 Brunei di-mana saja mereka berada.

Beliau mensifatkan-nya sa-bagai sukar untuk memisahkan semangat keakuan terhadap negara tumpah darah mereka dan keturunan2 mereka, sekalipun mereka terpisah jauh.

Beliau menekankan lagi, orang2 Brunei tetap percaya bahawa biar gunung, sungai atau lautan menjadi batasan, namun ayer di-tetap tidakkan putus.

"Sekali di-lahirkan sa-bagai anak Brunei, sa-hingga keturunan-nya ada-lah tetap orang Brunei", tegas beliau.

Selanjut-nya Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara bersabda bahawa semangat mengambra ka-telok rantau, sama ada untuk berhidup, menuntut mau pun bagi faedah mempelajari keadaan dunia luar, adalah menjadi tradisi yang telah di-turuntumurunkan, oleh datok ninik kita.

"Demikian juga telah sama2 kita warithi amalan yang sentiasa mengenal diri masing2 sa-bagai orang Brunei di-mana saja mereka berada atau bermastautin", tegas beliau.

Yang Amat Mulia itu menekankan lagi bahawa identiti mereka sa-bagai orang Brunei, bersemangat bangga yang negara ibunda mereka yang asal ia-lah Brunei tetap bernyala.

Beliau menekankan bahawa idaman hendak berbakti kepada Raja dan negara ibunda mereka sentiasa ada dan kalau mereka tidak sempat mencurahkan-nya, maka keturunan2 mereka selanjut-nya akan berbuat demikian juga.

Perkara yang tersebut itu di-sifatkan beliau sa-bagai satu rahsia isi hati kechil tiap2 orang Brunei, terutama sekali apabila mereka bermastautin di-luar negeri.

Yang Amat Mulia itu bersabda demikian dalam istiadat meletakkan batu asas tugu chenderamata sempena penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan yang berlangsung pada 4 Oktober lepas.

Mengenai tugu chenderamata itu, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara mensifatkan-nya sa-bagai satu tanda peristiwa keturunan kita pada masa2 yang akan datang pada menghargai dan memperingati limpah kurnia jasa baik, pengurbanan suci dan perjuangan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan pada menimbulkan, mengasah, memelihara dan mempertegakkan kepentinan2 bangsa, negara dan agama.

Yang Amat Mulia itu menyeru orang2 Brunei di-mana saja mereka berada supaya menjunjung seruan D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan dengan membaktikan-nya melalui usaha2 yang berkepentingan kepada negara.

Brunei sertai kejohanan karate

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Setia Usaha Kerajaan akan menyampaikan bandera Brunei kepada perwakilan negeri ini ka-pertandingan kejohanan karate sa-dunia di-Tokyo sa-jurus sa-belum rombongan itu berlepas dengan kapal terbang pada petang ini. Brunei akan menghantar 6 orang wakil dalam perlawanan itu yang di-jadualkan berlangsung di-Tokyo pada 10 Oktober ini. Rombongan Brunei itu di-ketuai oleh Awang Abd. Jalil bin Abd. Rahman.

Rombongan itu juga akan menyertai persidangan Persatuan2 Karate sa-dunia yang di-hadhiri oleh lebih dari 50 buah negara.

Mereka juga akan menjalani ujian2 untuk memileki tali pinggang hitam.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah telah merasmikan pembukaan pameran gambar2 di-Dewan Kemasyarakatan.

Pameran yang di-anjarkan oleh Muzium Brunei itu ada-lah sabahagian dari achara sambutan penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Pameran yang di-mulakan pada 1 Oktober itu akan di-lanjutkan sa-hingga 12 Oktober dan sa-takat ini lebih dari 20,000 telah mengunjongi pameran itu.

Gambar bawah menunjukkan empat orang peserta yang telah berjaya dalam pertandingan Bintang Radio 1970 yang telah di-adakan pada 3 Oktober lepas. Dari Kiri: Awang Moris Lyn dan Dayang Rokayah Idris — johan2 langgam; Dayang Rosni binte Haji Samli dan Awang Abu Bakar bin Haji Puan — johan2 lagu asli.

Awang Moris Lyn dan Dayang Rosni juga telah di-pilih sa-bagai penyanyi terbaik dan akan menerima tiket kapal terbang pulang balek ka-Kota Kinabalu yang telah di-hadiahkan oleh Y.A.M. Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh dan Awang Hafidz Laksamana.

